

Headline	Pesakit HIV meningkat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	35	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,097
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,291



Pesakit HIV meningkat

Kuala Lumpur: Membimbangkan apabila bilangan pesakit HIV/Aids meningkat saban tahun dipengaruhi gejala tidak sihat membabitkan segelintir penduduk negara ini.

Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia (MAF) Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, bilangan pesakit itu dikesan meningkat pada 2016 dengan jumlah 3,397 berbanding 3,330 pada 2015.

“Belia dalam kalangan 13 hingga 29 tahun antara kumpulan yang berisiko kepada jangkitan virus HIV.

“Aktiviti seks rambang adalah punca utama golongan berkenaan mudah terdedah kepada penyakit tiada penawar itu, selain terbabit dengan penyalahgunaan dadah.

“Kesedaran terhadap implikasi penyakit berkenaan perlu diperluaskan agar golongan belia tidak menisiasikan hidup mereka

menerusi amalan tidak bermoral itu,” katanya.

Beliau ditemui ketika melancarkan larian Hot & Cold Charity Run 2017 anjuran MAF dan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM) yang diadakan di universiti berkenaan, semalam.

Seramai 1,700 peserta menyertai larian berkenaan menerusi tiga kategori iaitu 3 kilometer (km), 5km dan 10km.

Dana RM200,000 dikutip dan diserahkan kepada MAF dan Fakulti Perubatan UM bertujuan meningkatkan kempen kesedaran terhadap pergerakan AIDS.

Dr Adeeba berkata, Kelantan mencatatkan kadar kematian tertinggi akibat HIV/Aids dengan jumlah 2,372 diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,295), Pahang (2,078), Selangor (2,038), Johor (1,938), Terengganu (1,502) dan Melaka (1,016).